JABATAN KETUA MENTERI
*CHIEF MINISTER DEPARTMENT*
Aras 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.

Telefon : +6088-369 900
: +6088-369 901
Faksmile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

**Rujukan:** JKM. 100-4/62
**Tarikh:** 03 Mei 2023

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian;**
**Semua Ketua Jabatan Negeri;**
**Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri;**
**Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri; dan**
**Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil.**

Yang Berbahagia Datuk / Datin / Tuan / Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN INOVASI DALAM PROGRAM ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (iSAS) 2023**

Perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Negeri bekerjasama menganjurkan program Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (iSAS) 2023. Program yang telah diadakan sejak tahun 2019 ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi pembudayaan inovasi sektor awam Sabah sekaligus menjadi platform untuk mengangkat penghasilan inovasi dalam kalangan penjawat awam di Sabah ke peringkat yang lebih tinggi.

3. Pada tahun ini, hanya satu (1) kategori khusus yang terdiri daripada dua (2) bidang inovasi dan empat (4) sub-bidang dengan struktur pertandingan seperti di **Lampiran B**.

4. Sehubungan itu, semua jabatan / agensi Kerajaan Negeri adalah dipelawa dan diminta untuk menghantar penyertaan pertandingan melalui pautan https://forms.gle/JBuGds4B4kdBkBvw9 sebelum atau pada **31 Mei 2023**.

5. Maklumat terperinci berkenaan program iSAS 2023 boleh diperolehi melalui *e-book* Panduan Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (iSAS) yang boleh dimuat turun melalui pautan https://sites.google.com/view/isas2023.

6. Bersama-sama ini dikemukakan bahan hebahan mengenai program iSAS 2023 untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan selanjutnya. Untuk keterangan lanjut berhubung program tersebut, sila berhubung dengan pihak urus setia melalui inovasi@sabah.gov.my atau di talian 012-4973009.

2/..

Sekian,

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP. )**
Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Setiausaha Persekutuan Sabah
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
**88400 KOTA KINABALU**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Jabatan Ketua Menteri
Aras 25, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
**88400 KOTA KINABALU**

LAMPIRAN B

# 3. STRUKTUR PERTANDINGAN

## ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (iSAS) 2023



LAMPIRAN B

# SENARAI KATEGORI YANG DIPERTANDINGAN DALAM iSAS 2023

| BIL. | KATEGORI | NEGERI | PERSEKUTUAN |
|---|---|---|---|
| **(A)** | **Anugerah Khusus (Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif)** | **HADIAH TUNAI** | **HADIAH TUNAI** |
| 1. | Anugerah HBKIK (Bidang Inovasi Sosial)<br>i.) Kreatif<br>❑ Pertama<br>❑ Kedua<br>❑ Ketiga | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 |
| 2. | Anugerah HBKIK (Bidang Inovasi Sosial)<br>ii.) Inovatif<br>❑ Pertama<br>❑ Kedua<br>❑ Ketiga | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 |
| 3. | Anugerah HBKIK (Bidang Penyampaian Perkhidmatan)<br>i.) Kreatif<br>❑ Pertama<br>❑ Kedua<br>❑ Ketiga | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 |
| 4. | Anugerah HBKIK (Bidang Penyampaian Perkhidmatan)<br>ii.) Inovatif<br>❑ Pertama<br>❑ Kedua<br>❑ Ketiga | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 | <br><br>2,000.00<br>1,000.00<br>750.00 |

**“SABAH MAJU JAYA”**

LAMPIRAN B

## HEBAHAN PERTANDINGAN



LAMPIRAN B

# HEBAHAN PERTANDINGAN



## HEBAHAN PERTANDINGAN




**Untuk keterangan lanjut sila klik pada pautan:**

https://sites.google.com/view/isas2023

## "SABAH MAJU JAYA"